



Halal Development
Corporation



Yayasan Waqaf Malaysia

KENYATAAN MEDIA

YAYASAN WAQAF MALAYSIA (YWM) & HALAL DEVELOPMENT CORPORATION BERHAD (HDC)

WAKAF HALAL PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS) PERKASA GOLONGAN PERNIAGAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA

-
1. Menerusi Belanjawan 2022, Kerajaan telah meletakkan usaha untuk **memperkasa wakaf sebagai instrumen agihan semula kekayaan bagi pembangunan ekonomi ummah sebagai salah satu agenda nasional**.
 2. **Sebanyak RM4 juta telah diperuntukkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia sebagai Dana Pemula kepada pelaksanaan Wakaf Halal PKS** bermatlamat untuk membantu menyediakan bantuan kewangan bagi pembelian aset perniagaan PKS seterusnya bakal melahirkan lebih ramai pengusaha industri halal di Malaysia.
 3. Demi mengurangkan kebergantungan kepada dana Kerajaan dalam membangunkan ekonomi negara, **pengaplikasian instrumen kewangan Islam menerusi konsep wakaf diketengahkan sebagai satu usaha strategik yang mampan dalam mempelbagaikan sumber kewangan untuk membiayai perniagaan dan meningkatkan ekuiti Bumiputera**.
 4. YB Senator Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), menerusi ucapan perasmian Wakaf Halal Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) anjuran YWM dan HDC berkata, **Dana pemula yang disalurkan oleh Kerajaan ini adalah berstatus Wakaf Irsod dan sebuah Jawatankuasa Bersama YWM bersama pihak HDC ditubuhkan bagi mengawalselia pelaksanaan program Wakaf Halal PKS ini**.
 5. Tambahnya lagi, dalam merealisasikan hasrat Kerajaan dalam menjadikan wakaf sebagai sumber pembangunan ekonomi Keluarga Malaysia, **program Wakaf Halal PKS ini menggariskan beberapa matlamat besar**, antaranya;

- a) Membantu golongan PKS mikro, kecil dan sederhana dalam penyediaan keperluan aset perniagaan;
 - b) Memperkasa keupayaan dan kompetensi PKS melalui penyediaan latihan dan bimbingan perniagaan; dan
 - c) Menggalakkan PKS untuk mendapatkan pensijilan Halal JAKIM menerusi bimbingan daripada pihak HDC.
6. **Tabung Dana Wakaf Halal PKS** akan ditubuhkan, di mana **YWM bertindak sebagai Pengurus Wakaf (*Waqf Administrator*)** yang bertanggungjawab untuk mengumpul dan menguruskan dana wakaf yang diterima di samping melaksanakan agihan dana wakaf kepada PKS-PKS yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Bersama.
7. **YWM akan mewakilkan HDC sebagai wakil pelaksana dalam pelaksanaan program ini** menerusi pendekatan prinsip *Wakalah Muqayyadah*.
8. **Pendekatan prinsip wakaf dalam pelaksanaan program ini adalah melalui dana wakaf yang dikumpul (*Mawquf*)** iaitu sumbangan daripada Kerajaan, badan korporat mahupun individu (*Waqif*) **akan diagihkan kepada PKS yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Bersama (*Mawquf ‘Alaih*)** yang tidak terhad kepada PKS Muslim sahaja.
9. **Dana / Tunai (*‘Ayn wakaf*) akan ditukarkan kepada peralatan sebagai medium pelaksanaan antara pihak HDC dan PKS secara sewaan aset mudah alih yang berunsurkan elemen *Ijarah Muntahiyah Bittamlik*, yang diakhiri dengan pemindahan pemilikan aset tersebut kepada PKS setelah tamat tempoh sewaan yang ditetapkan. Had siling bagi setiap pembelian aset peralatan perniagaan PKS yang diluluskan adalah sebanyak RM25,000.00.**
10. **Bayaran sewaan oleh PKS ini akan dikutip oleh HDC dan dimasukkan semula secara bulanan ke dalam Tabung Dana Wakaf Halal PKS sebagai *revolving fund* bagi memelihara tunai sebagai ‘ayn wakaf dan digunakan semula untuk pemohon PKS yang baharu.** Ini bagi memastikan kelestarian program ini secara mampan dan berterusan bagi tahun-tahun berikutnya.
11. Pihak **Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN)** akan turut menerima manfaat **daripada dana wakaf terkumpul ini** di mana dana ini akan ditukarkan kepada pembelian aset bagi tujuan kegunaan PKS Asnaf di bawah selian MAIN.
12. YB Senator Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad turut menyeru kepada para usahawan yang dibantu ini turut sama menyumbang semula ke dalam Tabung Dana Wakaf Halal PKS setelah perniagaan berjaya kelak agar dapat membantu lebih ramai usahawan yang berpotensi di luar sana.

13. Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut dan berwakaf ke Tabung Dana Wakaf Halal PKS, sila layari <https://ywm.gov.my/wakaf-halal-pks>.

- Tamat -

Yayasan Waqaf Malaysia

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) adalah sebuah entiti wakaf kebangsaan yang telah ditubuhkan pada 23 Julai 2008 dan didaftarkan di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258]. Untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai YWM, maklumat terkini pelaksanaan projek wakaf dan untuk berwakaf sila layari www.ywm.gov.my

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

- 1. Cik Nur Ain binti Mohd Nazri**
Pegawai Media
Yayasan Waqaf Malaysia
011-33065054 | nurain.nazri@ywm.gov.my

- 2. Encik Asri Isbahani**
Sekretariat Wakaf Halal PKS (HDC)
03 7965 5414
wakaf@hdcglobal.com